



**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG**  
PARAS 3, 21 DAN 22  
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)  
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)  
Faks: 04 - 2619588  
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTG/PM/WA/718/WA/718/  
PELBAGAI III (46)  
Tarikh : 17 Julai 2020

Penang Bar Committee  
No 4, Green Hall  
**10200 PULAU PINANG**

REHDA Penang  
Unit 6, 5<sup>th</sup> Floor  
Axist Complex  
35, Cantonment Road  
**10350 PULAU PINANG**

Tuan,

**PELAKSANAAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH/ *HOME OWNERSHIP CAMPAIGN* (HOC) NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020 DAN DASAR RANSANGAN SEKTOR HARTANAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan Kempen Pemilikan Rumah/ *Home Ownership Campaign* (HOC) Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 Dan Dasar Ransangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 bermula pada 10 Jun 2020 dan akan berakhir pada 9 Jun 2021.

3. Sehubungan dengan itu, kempen tersebut telah menawarkan beberapa perkara kepada warganegara asing yang ingin memiliki hartanah di Pulau Pinang. Antara tawaran tersebut ialah:

- i. Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warganegara asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2021 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja dikurangkan seperti jadual di bawah :

**SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB**

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS  
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Semasa (RM)	Had Siling Baharu (RM)
Hartanah Berstrata	Kawasan Pulau	1,000,000.00	800,000.00
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00
Hartanah Landai	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,800,000.00
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00

- ii. Pengurangan Fi Permohonan sebanyak 50% untuk warganegara asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh antara 10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2021 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja seperti jadual di bawah:

Jenis Permohonan	Kadar Semasa	Kadar Baharu
Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM10,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM20,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM2,000.00 per plot (PR)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM5,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM10,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM1,000.00 per plot (PR)</li> </ul>
Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM20,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM40,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM4,000.00 per plot (PR)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM10,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM20,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM2,000.00 per plot (PR)</li> </ul>
Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM20,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM40,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM4,000.00 per plot (PR)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM10,000.00 per plot (individu)</li> <li>• RM20,000.00 per plot (syarikat)</li> <li>• RM2,000.00 per plot (PR)</li> </ul>

- iii. Pengecualian bayaran kelulusan akan diberikan kepada warganegara asing yang menandatangani perjanjian jual beli bertarikh di antara 10 Jun 2020 hingga 9 Jun 2021 dan hanya untuk hartanah yang dibeli daripada pemaju-pemaju hartanah sahaja.

4. Oleh yang demikian, mohon pihak tuan mengambil maklum akan perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MARLIA BINTI MOHD BELIA)**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang